

Pelajar tidak sangka kali terakhir temu datuk

um 12/1/05

27:4

SINTOK 11 Jan. – Seorang pelajar Indonesia yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini tidak menyangka kepulangannya ke Meulaboh, Aceh Barat November lalu merupakan yang terakhir dia bertemu datuknya.

Pelajar tahun satu jurusan Teknologi Maklumat, **Ridha Noviana** berkata kepulangannya ke kampung tersebut adalah untuk melawat datuknya yang sakit tua.

Datuknya yang berusia lebih 65 tahun itu tinggal bersama bapa saudaranya sekeluarga di kota berkenaan, katanya.

"Semasa kecil saya sering dibawa oleh keluarga melawat 'kakek' (datuk) di rumah bapa saudara di sana, tetapi bila sudah meningkat dewasa dan sibuk dengan pelajaran saya jarang mengikut ibu ke sana tetapi kali terakhir saya berjumpa dengan kakek pada bulan November lalu sebelum saya datang Malaysia," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini semalam.

Ridha memberitahu ketika kejadian tersebut, datuknya yang terpaksa menggunakan kerusi roda tidak dapat diselamatkan oleh bapa saudaranya lalu hilang dalam tragedi tersebut.

Jelas beliau, nasib datuknya yang meninggal dunia itu hanya diketahui sehari selepas kejadian berkenaan.

"Saya bersyukur kerana bapa saudara saya dan keluarganya berjaya menyelamatkan diri dalam kejadian itu dan saya berharap mereka tabah mengharungi segala dugaan ini," katanya lagi.



RIDHA NOVIANA

Selain itu, nasib seorang lagi pelajar UUM yang masih berada di Banda Aceh kerana membantu para sukarelawan di bandar tersebut mencari adiknya yang masih hilang dalam tragedi berkenaan masih belum diketahui.

Penolong Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa universiti berkenaan, **Norhashima Wan Min** memberitahu, pelajar berkenaan, Ridha Ramli yang berasal dari Medan, terpaksa bergegas pulang kerana menerima berita kehilangan adiknya yang sedang belajar di Banda Aceh ketika kejadian berkenaan.

"Akibat masalah perhubungan, sehingga kini kami tidak mengetahui nasib pelajar tersebut dan perkembangan terbaru mengenai dirinya, kita sedang mencuba untuk menghubunginya bagi memastikan beliau selamat di sana," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelajar Antarabangsa, Ridha Maasir berbangga dengan sikap



NORHASHIMA WAN MIN

prihatin dan simpati warga universiti berkenaan telah membolehkan Tabung Kemanusiaan Aceh Utusan-Maybank berjaya mengumpulkan sebanyak RM12,375 dalam tempoh lima hari sahaja.

Dia yang turut kehilangan seorang rakan di Banda Aceh dalam tragedi itu berkata, seramai 91 pelajar Indonesia yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di UUM sanggup meninggalkan kampus untuk seketika bagi membantu sukarelawan di sana.

"Kami sanggup pergi ke sana sekiranya pihak universiti membenarkan tetapi apa yang mampu kita lakukan di sini ialah dengan mengutip derma untuk membantu mangsa di Banda Aceh," jelasnya lagi.

Beliau berharap lebih ramai warganegara Indonesia di Malaysia mengulur derma untuk membantu mangsa-mangsa ombak besar tsunami di negara tersebut.